noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

MINIT MESYUARAT

Tarikh	3 Disember 2019 (Selasa)
Masa	9.30 pagi
Tempat	Bilik Mesyuarat AFK Sdn Bhd

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort Berserta Kemudahan Tambahan Menara Latihan, Setor Logistik, Kolah Air, Padang Kawad, Rumah Sampah dan Pencawang Elektrik SESB Di Atas Lot No. 175331227, Jalan Kompleks Sukan, Daerah Beaufort, 89800 Pekan Beaufort, Sabah Untuk Tetuan Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia.

MESYUARAT TEKNIKAL NO.1

Bil	Nama	Disiplin	No. Telefon
(A)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**		
		KPKT	
(B)	**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Wilayah 6)		
		KPKTW6	
(C)	**Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek)		
1	Ar. Noor Izwan Rahim	NIA	012 - 321 8905
2	En. Azmi Noor	NIA	013 - 364 7875
3	En. Wasaly Angkol	NIA	016 - 836 6960
(D)	**Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur)		
4	En. Terrance Tang	AFK	016 - 996 1090
(E)	**Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal)		
5	Ir. Sherman Bin Daim	JPI	019 - 860 2398
(F)	**PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan)		
6	En. Sharman Bin Sharif	PQS	010 - 951 3639
(G)	**REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama)		
7	En. Sheriman Juan Peter	REMT	013 - 802 3400
8	En. Mohammed Thaufiq Sabarbacha	REMT	
9	Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT	016 - 835 3423

No.	Perkara	Tindakan	Tarikh
1.0	**Ucapan Aluan**		
1.1	Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak. Sesi perkenalkan diri dijalankan.	Makluman	
2.0	**Keperluan Kontrak**		
2.1	REMT memaklumkan bahawa kerja-kerja di Tapak telah dimulakan pada 26 November 2019. Kerja-kerja pemasangan Pagar Keselamatan (*hoarding*) dijangka siap pada 6 Disember 2019.	REMT	3 Dis 2019
2.2	NIA menegaskan bahawa peratusan Kemajuan Tapak perlu dibentangkan secara terperinci bermula mesyuarat akan datang.	REMT	3 Dis 2019
2.3	Laporan Kemajuan Tapak yang diedarkan, disemak dan diulas setiap perunding untuk ditambahbaik. REMT perlu dapatkan format laporan daripada KPKTW6.	REMT	3 Dis 2019
2.4	NIA meminta agar Carta Organisasi pihak Kontraktor dilengkapkan dengan nama, jawatan berserta nombor telefon.	REMT	3 Dis 2019
2.5	Jadual Perlaksanaan Kerja daripada REMT telah diulas dan perlu diperbetulkan serta diedarkan kepada Perunding pada 6 Disember 2019.	REMT	3 Dis 2019
2.6	Perunding menyarankan agar kerja-kerja pemasangan Papan Tanda dan pembinaan Pejabat Tapak (kapasiti 20 - 30 *pax*) disiapkan sebelum 18 Disember 2019.	REMT	3 Dis 2019
2.7	PQS mengingatkan agar perincian BQ disediakan dan REMT bersetuju untuk kemukakan pada 6 Disember 2019.	REMT	3 Dis 2019
3.0	**Arkitektural**		
3.1	NIA memaklumkan bahawa Borang H (mula kerja) telah dipersetujui bersama Majlis Daerah Beaufort untuk dikemukakan sebelum kerja-kerja fizikal dimulakan di Tapak.	NIA	3 Dis 2019

3.2	NIA memaklumkan bahawa isu akses yang dibangkitkan oleh JKR Beaufort masih dalam tindakan pihak KPKT dan JBPM Putrajaya untuk dipertimbang dan dibincang lanjut. Kelulusan DP dan BP masih tidak dapat dikeluarkan oleh Majlis Daerah Beaufort sehingga isu ini selesai. NIA akan membuat semakan lanjut kepada pihak KPKT dan JBPM Putrajaya.	NIA	3 Dis 2019
3.3	NIA menegaskan bahawa setiap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor perlu merujuk kepada Lukisan Pembinaan secara serentak yang disediakan setiap Perunding.	Makluman	
3.4	NIA memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk keatas *Bench* juga melibatkan perubahan kedudukan Grid 1 dan lukisan pembinaan yang diubah akan dikemukakan kepada kontraktor sebelum 6 Disember 2019. Semakan kos oleh kontraktor perlu dibuat dan dimaklum segera.	NIA REMT	3 Dis 2019
4.0	**Sivil Dan Struktur**		
4.1	AFK melaporkan status permohonan kelulusan Pelan Kejuruteraan seperti berikut: <u>MSMA</u> Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019. <u>ESCP & Pelan Jalan dan Perparitan</u> Akan dikemukakan kepada MDB pada 6 Dis 2019. <u>Air & Pembentungan</u> Akan dikemukakan kepada MDB pada 11 Dis 2019. AFK memaklumkan bahawa kelulusan pelan-pelan ini bergantung kepada kelulusan DP & BP.	AFK	3 Dis 2019
4.2	Perunding menegaskan bahawa akses untuk kerja-kerja pembinaan perlu melalui jalan utama sepertimana cadangan pelan. Akses lain adalah tidak dibenarkan. Pintu pagar keselamatan yang telah disediakan perlu diubah kedudukan.	REMT	3 Dis 2019
4.3	AFK mengingatkan agar setiap bahan dan *method of statement* perlu dikemuka kepada perunding yang terlibat dari awal. Kelulusan bahan adalah dibawah KPKT.	Makluman	

5.0	**Mekanikal Dan Elektrikal**		
5.1	Kontraktor diminta untuk melantik dan menamakan *Project Engineer* (M&E) dan M&E *Supervisor* dari awal agar kerja-kerja berkaitan M&E dapat diselaraskan dan mengikut jadual.	REMT	3 Dis 2019
5.2	Kontraktor diminta mengemukakan *shop drawings*, lesen elektrikal, lesen *plumber*, semua peralatan M&E untuk kelulusan dan ulasan perunding. JPI akan menyediakan senarai peralatan M&E untuk tindakan pihak kontraktor.	REMT JPI	3 Dis 2019
5.3	JPI memaklumkan bahawa Lukisan Pembinaan Elektrikal akan diserahkan kepada kontraktor pada 4 Disember 2019 dan Lukisan Pembinaan Mekanikal pada 10 Disember 2019.	JPI	3 Dis 2019
5.4	Berhubung isu SESB, JPI akan mengemukakan surat kepada SESB Beaufort untuk pertimbangan agar pembinaan pencawang elektrik dimasukkan dalam kos sumbangan dan dilaksana oleh pihak SESB sendiri.	JPI	3 Dis 2019
5.5	JPI memaklumkan bahawa Pelan Sistem Telefon telah mendapat kelulusan daripada Telekom Malaysia Berhad.	Makluman	
5.6	JPI melaporkan telah mengemukakan permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) kepada SESB Beaufort pada 14 November 2019 untuk kelulusan. JPI diminta mengemukakan salinan surat kelulusan berserta Pelan Pembangunan (*Development Plan*) yang diluluskan oleh Majlis Daerah Beaufort untuk makluman dan tindakan lanjut pihak SESB.	JPI	3 Dis 2019
6.0	**Ukur Bahan**		
6.1	PQS meminta agar Kontraktor mengemukakan surat kepada S.O (KPKT) berhubung pemilihan *Retention Sum* bagi setiap pembayaran interim.	REMT	3 Dis 2019
6.2	PQS meminta Kontraktor untuk menyelesaikan isu peratusan didalam jadual kadar harga Dokumen Tender kepada peratusan yang munasabah.	REMT	3 Dis 2019

6.3	PQS meminta setiap Perunding untuk menyediakan Lukisan Kontrak (Lukisan Pembinaan) bagi penyediaan Dokumen Kontrak. Jumlah set akan ditetap kemudian setelah ditetapkan oleh unit ukur bahan KPKT.	Perunding	3 Dis 2019
6.4	PQS meminta Kontraktor untuk mengemukakan Bayaran Interim untuk semakan awal pihak PQS sebelum Sijil Interim diserahkan kepada unit Ukur Bahan KPKT.	REMT	3 Dis 2019
7.0	**Hal-hal Lain**		
7.1	Kontraktor diingatkan untuk sentiasa memaklumkan sebarang isu secara terus kepada Perunding dan memastikan tarikh serta tempoh masa diberi bagi setiap arahan dilaksanakan sebaik mungkin.	Makluman	
7.2	Kontraktor diingatkan berhubung komunikasi sepanjang perlaksanaan projek hendaklah melalui Perunding terlebih dahulu sebelum sebarang perkara dimajukan kepada pihak KPKT.	Makluman	
7.3	Perunding dan Kontraktor bersetuju untuk melaksanakan Mesyuarat Teknikal dengan kekerapan 2 kali sebulan dan akan dilaksanakan sebelum Mesyuarat Tapak dijalankan.	Makluman	
8.0	**Penutup**		
8.1	Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.45 pagi dan Mesyuarat Teknikal No. 2 akan dimaklumkan kemudian.	Makluman	

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**



Ar. NOOR IZWAN RAHIM
Principal

9 Disember 2019